



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
JABATAN LOGistik KORPORAT  
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN BAYARAN  
MENARA HASIL, ARAS 5,  
PERSIARAN RIMBA PERMAI,  
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA, SELANGOR  
TELEFON : 03-83138888 FAKS : 03-83137887

## MEMO

<b>Kepada:</b>	Pengarah Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan  <i>Admin Care Officer</i> Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan		
<b>Daripada:</b>	Pengarah Jabatan Logistik Korporat		
<b>Ruj. Surat Tuan:</b>	<b>Tarikh:</b>	<b>Ruj. Surat Kami:</b> LHDN.01/48/3/21-1 JLD.5	<b>Tarikh:</b> <i>18</i> Nov 2016

### PENDAFTARAN ASET ALIH (INVENTORI) LAMA DI SISTEM PENGURUSAN ASET (SPA)

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih LHDNM Bil. 4 Tahun 2016 yang bersidang pada 16 November 2016, telah menetapkan bahawa pendaftaran inventori lama di SPA perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Unit Sistem Pengurusan Aset, Jabatan Logistik Korporat.
3. Tujuan pelaksanaan memo ini adalah bagi memastikan kawalan terhadap pendaftaran inventori di SPA. Secara asasnya, pendaftaran inventori lama adalah dibenarkan di SPA setelah tamat tempoh sewaan dengan nilai RM1.00 akan tetapi terdapat beberapa isu yang dikaitkan dengan pendaftaran aset alih lama di SPA;
  - 2.1 Pertindihan No. Siri Pendaftaran disebabkan pendaftaran secara pukal yang dilaksanakan tanpa kawalan dan semakan.
  - 2.2 Pendaftaran aset alih lama yang belum pernah didaftarkan dan dikenalpasti semasa pemeriksaan dijalankan oleh Pegawai Pemeriksa Harta Modal dan Inventori.
4. Tindakan dipohon kepada PTJ untuk membuat pengemaskinian daftar inventori (pada Panel Pemantauan - Modul Laman Kerja) di SPA bagi memastikan maklumat kedudukan inventori adalah tepat.

5. Adalah diharapkan dengan makluman yang diberikan ini, pendaftaran inventori di Pusat Tanggungjawab (PTJ) dapat dikawal dan secara tidak langsung memudahkan semakan pelaporan bagi pendaftaran perolehan inventori baru serta pindahan masuk dan keluar inventori pada Tahun 2016.
6. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan pegawai dibawah;
  - 6.1 En. Amir Mustakhim Bin Mohd Isa No. Samb 22050
  - 6.2 Pn. Nuraishah Binti Zainal No. Samb 20583
7. Perhatian dan kerjasama didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"**

[DATIN SRI NOORHAYATI BINTI ISMAIL]  
Pengarah  
Jabatan Logistik Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

